

Ruj. Tuan :

Ruj.Kami : MBPP.JCOB.400-5/2/2jld-17

Tarikh : 15 Julai 2025

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan,

**PERMOHONAN TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM),
JABATAN PERUMAHAN NEGARA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN
TEMPATAN BAGI TAHUN 2026**


Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menyelaras permohonan projek-projek penyelenggaraan perumahan di bawah Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) bagi tahun 2026.
3. Sehubungan itu, tuan/puan adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan projek-projek penyelenggaraan perumahan kepada pihak Pesuruhjaya Bangunan. Hanya borang permohonan yang lengkap yang akan dipertimbangkan untuk kelulusan. Permohonan yang dikemukakan perlu mengambil kira penyelenggaraan yang kritikal dan diperlukan oleh penghuni di skim pemajuan. Panduan dan borang permohonan adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.
4. Kerjasama Tuan/puan adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan tersebut dalam 2 salinan selewat-lewatnya pada **21 Ogos 2025 (Isnin)**. Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,


(NURUL AZIAN BINTI MOHD NORDIN)
Pengerah Pesuruhjaya Bangunan
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

s.k. 1 Failkan.

**PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN
MALAYSIA (TPPM) DI BAWAH PERUNTUKAN KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

1.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

a) Julat Harga Rumah

Harga rumah adalah berdasarkan **kepada harga belian asal daripada pemaju**:

- i. Bagi kategori **rumah kos rendah swasta: RM42,000.00 ke bawah**
- ii. Bagi kategori **rumah kos sederhana rendah swasta: RM42,001.00 sehingga RM80,000.00**
- iii. Bagi kategori kemajuan bercampur:
 - jika keseluruhan unit di blok tersebut adalah termasuk dalam julat harga rumah yang ditetapkan, maka permohonan boleh dipertimbangkan;
 - jika sebahagian/keseluruhan unit di blok tersebut melebihi julat harga rumah yang ditetapkan, maka permohonan tidak akan dipertimbangkan

b) Skop Kerja Penyelenggaraan

Skop kerja penyelenggaraan hanya bagi bangunan rumah berstrata sahaja.

- Skop A: Membaiki atau mengganti lif;
- Skop B: Membaiki atau mengganti tangki air & sistem retikulasi;
- Skop C: Penyelenggaraan atau mengganti paip sanitari;
- Skop D: Membaiki atau mengganti bumbung;
- Skop E: Membaiki atau mengganti tangga & susur tangan (*handrail*);
- Skop F: Mengecat semula bangunan dan harta bersama;
- Skop G: Pendawaian semula dan kerja elektrik;
- Skop H: Membaiki atau menggantikan kerosakan infrastruktur asas dan kemudahan awam yang melibatkan harta bersama (common property);
- Skop I : Mengganti atau membina pagar keliling; dan
- Skop J : Pembaikan cerun di dalam kawasan pemajuan.

c) Kaedah Pelaksanaan

- i. 100% kos penyelenggaraan dibayai di bawan peruntukan TPPM; dan
- ii. Agensi pelaksana bagi projek TPPM ialah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau agensi kerajaan di peringkat Negeri / Persekutuan.

d) Lain-Lain yang berkaitan

- i. **Keutamaan** diberikan kepada kawasan pemajuan yang telah menubuhkan JMB/MC;
- ii. **Keutamaan** diberikan kepada kediaman yang telah diduduki melebihi 10 tahun; dan
- iii. Anggaran awal kos projek perlu disahkan oleh agensi teknikal PBT.

e) Dokumen yang perlu disertakan bersama borang permohonan yang lengkap

- i. **Salinan Perjanjian Jual Beli Asal (Sale & Purchase Agreement)**
(Menunjukkan harga belian Asal/Pertama dengan jelas)
- ii. **Laporan terperinci Beserta Gambar berwarna**
(Jenis Penyelenggaraan / Lokasi / Nama kawasan)
- iii. **Salinan minit mesyuarat JMB atau MC atau Persatuan Penduduk**
(Persetujuan Jawatankuasa ke atas kerja yang dipohon)
- iv. **Anggaran Kos**
(Satu (1) sebutharga anggaran bagi setiap skop yang dipohon)

f) Penghantaran Borang Permohonan yang telah lengkap (2 Salinan)

- i. Borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar kepada:

**Jabatan Pesuruhjaya Bangunan
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Tingkat 11, KOMTAR
10675 Pulau Pinang**

- ii. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 21 Ogos 2025 (Isnin).**
- iii. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut boleh hubungi Puan Normarzani dan Encik Ismail di talian 04-259 2208.



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

No. Fail :	No. Rujukan :
------------	---------------

BORANG PERMOHONAN

TABUNG PENYELENGGARAAN PERUMAHAN MALAYSIA (TPPM)

☐	KOS RENDAH SWASTA Harga Belian Asal : (Semenanjung - RM42,000.00 dan ke bawah), (Sarawak, Sabah dan Labuan - RM59,000.00 dan ke bawah); atau
☐	KOS SEDERHANA RENDAH SWASTA Harga Belian Asal : (Semenanjung - RM42,001.00 hingga RM80,000.00), (Sarawak, Sabah dan Labuan - RM59,001.00 hingga RM100,000.00)

PERHATIAN: Sila lengkapkan semua maklumat dalam ruangan di bawah.
Maklumat yang tidak lengkap boleh menyebabkan permohonan tidak dapat dipertimbangkan

A. BUTIRAN PERMOHONAN																			
NAMA KAWASAN																			
PEMAJUAN / BANGUNAN																			
NAMA PEMOHON																			
NO. TELEFON							EMEL												
NAMA JMB / MC / PERSATUAN																			
PENDUDUK BERDAFTAR																			
LOKASI / ALAMAT																			
MAKLUMAT KAWASAN:				PARLIMEN:			DUN:												
				DAERAH :															
HARGA RUMAH DIBELI (Harga belian pertama)				RM <table border="1" style="display: inline-table; vertical-align: middle;"><tr><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td><td style="width: 20px; height: 20px;"></td></tr></table>															
<i>[Sila kemukakan satu (1) salinan Perjanjian Jual Beli (Sale & Purchase Agreement) yang jelas menunjukkan harga belian]</i>																			
TAHUN DIBINA						TAHUN DIDUDUKI													
						<i>[Kediaman hendaklah diduduki > 10 tahun]</i>													
BILANGAN BLOK		BILANGAN UNIT		BIL UNIT DIDUDUKI		BIL UNIT DIDUDUKI PEMILIK		BIL UNIT DIDUDUKI WARGANEGARA MALAYSIA											
BILANGAN TINGKAT		BILANGAN PENGHUNI		BIL UNIT KOSONG		BIL UNIT DIDUDUKI PENYEWA		BIL UNIT DIDUDUKI SELAIN WARGANEGARA MALAYSIA											
NAMA & BIL BLOK YANG DIMOHON UNTUK BAIKPULIH		Nama Blok:																	
		Bil. Blok:																	

B. KOD & SKOP KERJA PENYELENGGARAAN / BAIK PULIH YANG DIPOHON

A ☐	B ☐	C ☐	D ☐	E ☐	F ☐	G ☐	H ☐	I ☐	J ☐
Lif + AVAS	Tangki Air & Sistem Retikulasi	Paip Sanitari	Bumbung	Tangga/ Handrail	Mengecat	Pendawaian Semula & kerja elektrik	Infrastruktur asas & kemudahan awam (<i>Harta Bersama</i>)	Pagar	Cerun
Bil. Lif: *Baik Pulih / Ganti Baru	Bil. Tangki: *Baik Pulih / Ganti Baru	*Baik Pulih / Ganti Baru	*Baik Pulih / Ganti Baru	*Baik Pulih / Ganti Baru	i) ii) iii) iv)	*Baik Pulih / Ganti Baru	i) ii) iii) iv)	*Baik Pulih / Ganti Baru	Baik Pulih

- Sila tandakan (✓) dalam kotak yang berkenaan
- Sila potong mana yang tidak berkenaan
- * Sila nyatakan samada Baik Pulih atau Ganti Baru
- Sila nyatakan bilangan lif atau tangki yang terlibat di kotak A dan B
- Nyatakan kawasan yang berkenaan pada kotak F & H (Bangunan atau jenis infrastruktur/ harta bersama)

C. SENARAI SEMAK PEMOHON (PERKARA YANG PERLU DILAMPIRKAN)

[Sila tandakan (✓) dalam kotak yang berkenaan]

1.	Satu (1) Salinan Perjanjian Jual Beli – (<i>Sale & Purchase Agreement</i>) (Menunjukkan Harga Belian dengan Jelas)	☐
2.	Laporan Perincian Beserta Gambar (Jenis Penyelenggaraan / Lokasi / Nama Kawasan atau Bangunan)	☐
3.	Salinan Minit Mesyuarat JMB atau MC atau Persatuan Penduduk (Persetujuan Jawatankuasa ke atas Kerja Penyelenggaraan)	☐
4.	Anggaran Kos (Mengikut Skop Permohonan)	☐

D. PENGESAHAN PEMOHON

Dengan ini saya telah melengkapkan semua perkara-perkara di atas untuk proses kelulusan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan **BERSETUJU** dengan perkara-perkara berikut;

- supaya kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan di kawasan kami;
- peruntukan 100% disalurkan oleh Kerajaan melalui Program TPPM;
- permohonan hendaklah dikemukakan kepada COB untuk semakan dan pengesahan terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada KPKT; dan
- KPKT berhak menolak atau membatalkan permohonan ini dengan serta-merta sekiranya maklumat di atas didapati tidak benar.

.....
(Tandatangan Pemohon)

Tarikh :

(Cop Rasmi JMB/MC)

Nama Pemohon :

Jawatan :

No. Telefon:

Emel:

E. ULASAN OLEH COB

Permohonan ini adalah memenuhi syarat-syarat seperti di dalam Panduan Permohonan TPPM:

☐ YA

☐ TIDAK

Ulasan:

- i.
- ii.
- iii.

..... (Tandatangan Pegawai) Tarikh :	(Cop Rasmi Nama & Jawatan Pegawai)
---	---

F. NOTA PERINGATAN

- i. COB hendaklah membuat semakan berhubung syarat-syarat permohonan dan memastikan skop kerja dan pemajuan yang dimohon adalah kritikal dan diperlukan di skim pemajuan tersebut.
- ii. COB hendaklah memastikan pemajuan yang dimohon di atas tidak pernah menerima apa-apa dana atau bantuan penyelenggaraan bagi skop yang sama.
- iii. COB adalah berhak untuk menolak permohonan yang didapati tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat TPPM.
- iv. Projek penyelenggaraan yang dimohon oleh JMB / MC hendaklah merangkumi skop di **ruangan B SAHAJA** dan ulasan kesesuaian projek dibuat oleh COB di **ruangan E**.
- v. Anggaran kos hendaklah berpadanan dan bersesuaian dengan skop yang dimohon.
- vi. Sebarang pindaan kos, perubahan skop dan lokasi skim pemajuan setelah kelulusan dikeluarkan hendaklah dimaklumkan oleh COB dan adalah tertakluk kepada kelulusan lanjut oleh KPKT. Pihak KPKT juga berhak untuk meminda atau membatalkan kelulusan yang telah dikeluarkan kepada PBT.